



ANUGERAH-ANUGERAH JULANGAN BAKAT UMT KATEGORI:
ANUGERAH BAKAT HARAPAN
(PENGURUSAN DAN PROFESIONAL)

Kelulusan:
Mesyuarat JKSM UMT Kali Ke-35 (Bil. 3 Tahun 2025) pada 13 Mei 2025



**ANUGERAH BAKAT HARAPAN
(PENGURUSAN & PROFESIONAL)
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

SYARAT DAN KRITERIA

TUJUAN

Anugerah ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada Pegawai Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) UMT cemerlang yang telah memberikan sumbangan yang signifikan secara holistik sehingga berjaya meningkatkan imej Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing dan UMT mengikut Skim Perkhidmatan.

KATEGORI

- i. Pengurusan dan Perkhidmatan
(Skim B, DG, H, KP, L, N, S, W)
- ii. Teknikal
(Skim A, B, C, F, G, J, H, Q, U)

SYARAT ASAS PENCALONAN

- i. Terbuka kepada semua Pegawai Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) (Gred 9 sehingga 14) yang berjawatan tetap sahaja dan telah disahkan dalam perkhidmatan.
- ii. Tempoh perkhidmatan di Universiti Malaysia Terengganu hendaklah tidak melebihi lapan (8) tahun pada jawatan tetap.
- iii. Memperolehi Sijil Perkhidmatan Cemerlang dalam LNPT (90% ke atas) sekurang-kurangnya 3 kali dalam tempoh lima (5) tahun terakhir penilaian.
- iv. Bebas dari sebarang tindakan tatatertib/disiplin atau bukan dalam proses perbicaraan tatatertib UMT.

TATACARA PERMOHONAN DAN PENILAIAN ANUGERAH

- i. Permohonan/pencalonan boleh dibuat oleh individu/jabatan/persatuan.
- ii. Permohonan/pencalonan perlu menggunakan borang rasmi yang diperoleh melalui portal MyNemo. Semua permohonan/pencalonan perlu lengkap dan disertakan maklumat dan bukti-bukti yang disahkan.
- iii. Permohonan akan dipertimbangkan oleh jawatankuasa penilaian yang dilantik oleh Naib Canselor dan seterusnya disahkan di Jawatankuasa Sumber Manusia (JKSM).
- iv. Pemenang akan diluluskan oleh JKSM dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.

STAF YANG TIDAK LAYAK MEMOHON

Staf UMT yang tidak layak memohon bagi Anugerah Bakat Harapan (Pengurusan dan Profesional) adalah:

- i. Ketua Pusat Tanggungjawab.

ASAS PERTIMBANGAN

Bagi menentukan penerima anugerah yang layak dipertimbangkan adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:

- i. Pencalonan perlu mencapai markah minimum penilaian anugerah iaitu 80 peratus (80%) untuk pertimbangan jawatankuasa yang berkaitan. Jika tiada calon yang mencapai markah minimum, Jawatankuasa Sumber Manusia (JKSM) boleh memilih mana-mana calon yang mempunyai markah terhampir untuk diberi Anugerah Khas.
- ii. Panel boleh mempertimbangkan calon yang pernah menerima anugerah.

ASAS PENILAIAN

Asas penilaian bagi anugerah ini adalah berdasarkan enam (6) kategori kegiatan dan sumbangan yang dicapai dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir sepertimana berikut:

Bil.	Kategori	Pecahan Markah
1	Inovasi/Bakat Kepimpinan/Kemahiran	30%
2	Penyertaan Dalam Aktiviti/Program	10%
3	Keahlian Pertubuhan Kemasyarakatan/ NGO/ Kelab/ Persatuan/ Pasukan Sukarela	15%
4	Pengiktirafan Kebolehan	10%
5	Anugerah	10%
6	Kualiti Peribadi	25%
Jumlah Keseluruhan		100%

Penerangan Asas Penilaian Mengikut Kategori

1. Inovasi/Bakat Kepimpinan/Kemahiran (30%)

Penilaian bagi kategori ini adalah berdasarkan aspek inovasi/bakat kepimpinan/kemahiran calon dalam pelbagai cabang bidang sama ada dalam tugas hakiki dan di luar tugas rasmi (keutamaan diberikan kepada calon yang memberi sumbangan di dalam tugas hakiki). Panduan penilaian adalah seperti berikut:

- i. Penulisan Ilmiah
- ii. Penulisan Kreatif
- iii. Penjanaan Pendapatan/Keusahawanan
- iv. Penunjukajar/Penceramah/Fasilitator/Juri
- v. Jurulatih
- vi. Ketua Projek/Program
- vii. Pembentang Seminar
- viii. Penyedia Kertas Kerja
- ix. Kesukarelawanan
- x. Pentadbir Laman Web/ Media Sosial
- xi. Lain-lain yang bersesuaian dengan bidang masing-masing

Inovasi/Bakat Kepimpinan/Kemahiran								
Bil.	Aktiviti/Kegiatan	Peringkat						Markah
		Seksyen/ Unit	PTJ	UMT	Negeri	Kebangsaan	Antarabangsa	
		1	2	3	5	7	10	
1								/10
2								/10
3								/10

2. Penyertaan Dalam Aktiviti/Program (10%)

Penilaian bagi kategori ini adalah berdasarkan penglibatan calon dalam aktiviti/program tugas rasmi dan di luar tugas rasmi. Panduan penilaian adalah seperti berikut:

- i. Misi Kemanusiaan
- ii. Program Kemasyarakatan
- iii. Seminar/Bengkel/Kursus
- iv. Program Latihan Eksekutif

Penglibatan Dalam Aktiviti/Program								
Bil.	Aktiviti/Kegiatan	Peringkat						Markah
		Seksyen/ Unit	PTJ	UMT	Negeri	Kebangsaan	Antarabangsa	
		5	6	7	8	9	10	
1								/10
2								/10
3								/10

3. Keahlian Pertubuhan Kemasyarakatan/NGO/Kelab/Persatuan/Pasukan Sukarela (15%)

Penilaian bagi kategori ini adalah mengambil kira jawatan dan peranan serta peringkat penglibatan calon dalam sesuatu pertubuhan/ jawatankuasa/ kelab/ persatuan/ pasukan sukarela samada berkaitan tugas rasmi mahupun luar tugas rasmi. Panduan penilaian adalah seperti berikut:

[illegible]

4. **Pengiktirafan Kepakaran/Kebolehan (10%)**

Penilaian kategori ini adalah berdasarkan pengiktirafan oleh pihak dalam atau pihak luar Universiti terhadap kebolehan dan keupayaan staf dalam bidang tertentu yang dikuasai melalui pelantikan secara kumpulan atau secara individu. Panduan penilaian adalah seperti berikut:

- i. Sukan dan Rekreasi
- ii. Seni dan Budaya
- iii. Kepakaran Teknikal
- iv. Keagamaan
- v. Sijil Akademik dan Kemahiran/Profesional

Pengiktirafan Kepakaran/Kebolehan								
Bil.	Aktiviti/Kegiatan	Peringkat						Markah
		Seksyen/ Unit	PTJ	UMT	Negeri	Kebangsaan	Antarabangsa	
		5	6	7	8	9	10	
1								/10
2								/10
3								/10

5. **Anugerah (10%)**

Penilaian kategori ini dibuat dalam aspek anugerah yang dimenangi sama ada dalam tugas rasmi atau luar daripada tugas rasmi serta penganugerahan bintang/pingat kebesaran kepada calon. Panduan penilaian adalah seperti berikut:

- i. Anugerah Kecemerlangan
- ii. Anugerah Perkhidmatan
- iii. Anugerah Komuniti
- iv. Darjah Kebesaran
- v. Anugerah-anugerah lain yang berkaitan

Anugerah							
Bil.	Anugerah/Pingat/Darjah Kebesaran Yang Diperolehi	Peringkat					Markah
		PTJ	UMT	Negeri	Kebangsaan/ Persekutuan	Antarabangsa	
		6	7	8	9	10	
1							/10
2							/10
3							/10

6. Kualiti Peribadi (25%)

Penilaian kategori ini dibuat dalam dua (2) aspek utama iaitu penilaian oleh Rakan Sekerja dalam satu pusat tanggungjawab (PTJ) dan Penilaian Rakan Sekerja dari luar PTJ. Bagi penilaian rakan sekerja dalam PTJ, Ketua PTJ perlu menamakan dua (2) orang pegawai yang satu PTJ dengan calon pada tahun yang dinilai. Manakala bagi penilaian rakan sekerja luar PTJ, calon perlu menamakan dua (2) orang pegawai luar PTJ pada tahun yang dinilai. Rakan Sekerja tersebut akan membuat penilaian terhadap calon berdasarkan kriteria di bawah:

Bil.	Kriteria Dalam/Luar Jabatan	Petunjuk				
		1 (Lemah)	→			5 (Cemerlang)
1.	Personaliti	1	2	3	4	5
2.	Disiplin	1	2	3	4	5
3.	Amanah dan Integriti	1	2	3	4	5
4.	Kerja Berpasukan	1	2	3	4	5
5.	Kemahiran Komunikasi	1	2	3	4	5
Jumlah		25				